

**PEMUPUKAN KEMAHIRAN MENYEBUT DAN
MENGINGAT HURUF MENGGUNAKAN
MODUL PIRAMID JAWI DALAM
KALANGAN MURID
PRA SEKOLAH**



JUNNDIAH @ JUNAIDAH BINTI MAJIT

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

**PEMUPUKAN KEMAHIRAN MENYEBUT DAN
MENGINGAT HURUF MENGGUNAKAN
MODUL PIRAMID JAWI DALAM
KALANGAN MURID
PRA SEKOLAH**

JUNNDIAH @ JUNAIDAH BINTI MAJIT



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PEMUPUKAN KEMAHIRAN MENYEBUT DAN MENINGAT HURUF MENGGUNAKAN MODUL PIRAMID JAWI DALAM KALANGAN MURID PRA SEKOLAH**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN**

BIDANG : **KURIKULUM DAN PENGAJARAN**

Saya **JUNNDIAH@JUNAIDAH BINTI MAJIT** sesi **2015-2020** mengaku membenarkan tesis Doktoral ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -

1. Tesis ini adalah hak multak Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):



SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

 ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)

JUNNDIAH @ JUNAIDAH BINTI MAJIT
MP1511455T

Tarikh: 14 Oktober 2020

(PM DR. SIEW NYET MOI@ SOPIAH
ABDULLAH)

Penyelia Utama

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nurkilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

14 OKTOBER 2020


Junndiah @ Junaidah Binti Majit
MP1511455T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : JUNNDIAH @ JUNAIDAH BINTI MAJIT
NO. MATRIK : MP1511455T
TAJUK : PEMUPUKAN KEMAHIRAN MENYEBUT DAN
MENGINGAT HURUF MENGGUNAKAN MODUL
PIRAMID JAWI DALAM KALANGAN MURID
PRASEKOLAH
IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN
BIDANG : KURIKULUM DAN PENGAJARAN
TARIKH VIVA : 14 OKTOBER 2020



DISAHKAN OLEH;
UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYELIA UTAMA

Prof. Madya Dr. Siew Nyet Moi@ Sopiah Abdullah

Tandatangan

Tandatangan

PENYELIA BERSAMA

Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi bin Taat

PENGHARGAAN

Usaha untuk menghasilkan tesis ini tidak mungkin tercapai tanpa sumbangan banyak pihak. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) kerana memberi peluang kepada saya melanjutkan pelajaran saya ke Ijazah Sarjana dan seterusnya memberi berpeluang kepada saya untuk melibatkan diri dalam kajian tindakan ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi dan jutaan terima kasih kepada penyelia pembimbing saya Prof. Madya Dr Siew Nyet Moi @ Sopiah binti Abdullah dan Prof. Madya Dr Muhamad Suhaimi Bin Taat yang sentiasa memberi bimbingan dalam menyempurnakan kajian ini sehinggalah laporan ini disiapkan. Beliau telah memberikan saya banyak cadangan yang bernas supaya kajian saya lebih berkualiti. Saya juga merakamkan ribuan terima kasih saya kepada ibu, suami dan anak saya kerana mereka telah memberi saya sokongan dari segi mental sepanjang saya menjalankan kajian ini. Segala dorongan dan galakan yang diberikan, amatlah saya hargai.

Tidak lupa juga saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sabah, Penolong Pengarah Unit Media dan Inovasi Pendidikan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sabah, Pegawai Pendidikan Daerah Penampang dan Pegawai Pendidikan Islam Pejabat Pendidikan Daerah Kota Kinabalu, Guru Besar SK. Sri Gaya, Ketua Panitia Pendidikan Islam SK. Sri Gaya, Guru Prasekolah SK. Sri Gaya, Guru Pendidikan Islam Prasekolah, Pembantu Pengurusan Murid Prasekolah serta serta responden yang terlibat dalam kajian tindakan ini secara langsung dan tidak langsung. Terima kasih atas sumbangan yang diberikan.

Akhir kata, diharapkan kajian ini akan memberi manfaat kepada saya sebagai pihak pengkaji dan juga kepada para pembaca umumnya.

Junndiah @ Junaidah binti Majit
14 Oktober 202

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji pemupukan kemahiran menyebut dan mengingat huruf melalui Modul Piramid Jawi dalam kalangan murid prasekolah. Pada dasarnya, kemampuan menyebut dan mengingat huruf ini adalah berfokus kepada huruf Jawi Justeru itu, kemahiran ini perlu diketahui oleh pelajar bermula pada peringkat awal pembelajaran mereka. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Sampel kajian yang dipilih adalah sebanyak 4 orang murid yang sedang belajar dalam prasekolah. Data kajian telah dikumpul dan dianalisis melalui kaedah triangulasi pemerhatian, temu bual, dan catatan refleksi pengkaji. Melalui pemerhatian awal, sampel kajian boleh menyebut huruf Jawi yang ditunjukkan mengikut susunan huruf Jawi. Namun, agak sukar menyebut huruf Jawi yang ditunjukkan secara rawak. Responden terpaksa mengulang sebutan huruf Jawi daripada awal untuk mengingat huruf Jawi yang ditunjukkan. Catatan refleksi pengkaji dan guru Pendidikan Islam Prasekolah menunjukkan terdapat peningkatan penguasaan kemampuan menyebut dan mengingat huruf murid apabila Modul Piramid Jawi digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, Modul Piramid Jawi boleh digunakan untuk membantu meningkatkan penguasaan kemahiran menyebut dan mengingat huruf dalam kalangan murid Prasekolah.

Kata kunci: kemahiran menyebut dan mengingat huruf, murid Prasekolah, Modul Piramid Jawi.




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

NURTURING THE SKILLS OF PRONUNCIATION AND MEMORY AMONG PRESCHOOL STUDENTS USING JAWI PYRAMID MODULE

This study was to examine the effectiveness of the Pyramid of the free module on the ability to remember the letters among preschoolers. The ability to remember this letter is focused on Jawi. In the study, the samples were students in preschool. The methodology of this study is qualitative. The study was conducted at one of the preschool in Kota Kinabalu. The sample selected was 4 students who are learning in preschool. Data were collected and analyzed through observation, interviews, record reflection researcher and also the supporting documents. Through the initial observation, the sample may be mentioned that Jawi shown in alphabetical order. However, it is difficult to say Jawi shown randomly. Respondents had to repeat the pronunciation of the letter from the beginning to remember Jawi shown. Notes reflection researcher and teacher of Islamic education Preschools indicates the increasing dominance of the ability to remember the letters Pyramid studs when the module is free to use in teaching and learning. The Pyramids of Jawi Module can be used to help improve skills among students remember letters Preschool.

Keywords: pronunciation and memory skills, Preschool students, Jawi Pyramid Module.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI FOTO	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Tujuan Kajian	15
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Persoalan Kajian	16
1.7 Definisi Operasional	17
1.8 Skop dan Batasan Kajian	23
1.9 Kepentingan Kajian	24
1.10 Rumusan	26
BAB 2: TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	27
2.2 Definisi Konsep	27
2.2.1 Modul pembelajaran	27
2.2.2 Bermain dalam konteks	29
2.2.3 Kemahiran menyebut huruf Jawi	30
2.2.4 Kemahiran mengingat huruf Jawi	31
2.3 Teori Pembelajaran	32
2.3.1 Teori Pembelajaran Masteri	32
2.3.2 Teori Pembelajaran Kecerdasan Pelbagai	33
2.4 Kerangka Teori	35
2.5 Model Pembelajaran	35
2.6 Kerangka Konsep	36
2.7 Kajian Lepas	37
2.8 Rumusan	43
BAB 3: METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	44
3.2 Reka Bentuk Kajian	44
3.3 Lokasi Kajian	45
3.4 Persampelan Kajian	46
3.5 Instrumen Kajian	46

3.5.1	Instrumen Pemerhatian	46
3.5.2	Instrumen Temu Bual	47
3.5.3	Catatan Refleksi	47
3.6	Prosedur Kesahan Dan Kebolehpercayaan	48
3.6.1	Kesahan senarai semak pemerhatian	48
3.6.2	Kesahan Temu Bual	49
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	49
3.7.1	Pemerhatian	50
3.7.2	Temu Bual	50
3.7.3	Catatan Refleksi	51
3.8	Prosedur Penganalisan Data	52
3.9	Kajian Rintis	53
3.9.1	Kemahiran mengingat huruf	53
3.9.2	Kemahiran menyebut huruf	55
3.10	Rumusan	57

BAB 4: PEMBANGUNAN PROTOTAIP

4.1	Pendahuluan	58
4.2	Model Pembinaan Modul Piramid Jawi	58
4.3	Bahan Bantu Pengajaran dan Pembelajaran	60
4.4	Rasional Pemilihan Model Reka Bentuk Pembinaan Modul Sidek Dan Jamaluddin	60
4.5	Peringkat I: Menyediakan Draf	61
4.6	Peringkat II: Mencuba dan Menilai Modul	64
4.7	Penilaian dan Pandangan Pakar	67
4.8	Rumusan	68

BAB 5: ANALISIS DATA

5.1	Pendahuluan	69
5.2	Maklumat Responden	69
5.3	Dapatan Pemerhatian	70
5.3.1	Kemahiran Menyebut Huruf	70
5.3.2	Kemahiran Mengingat Huruf	73
5.3.3	Pemerhatian Berstruktur	75
5.4	Dapatan Temu Bual	79
5.4.1	Hasil Temu bual bersama guru Pendidikan Islam Prasekolah	79
5.4.2	Hasil Temu bual bersama murid Prasekolah	80
5.5	Refleksi	80
5.5.1	Refleksi guru kelas prasekolah	80
5.5.2	Refleksi pembantu pengurusan murid prasekolah	81
5.5.3	Refleksi pengkaji	82
5.6	Rumusan	83

BAB 6: PERBINCANGAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	84
6.2	Perbincangan dan Dapatan Kajian	84
6.2.1	Pelaksanaan Modul Piramid Jawi	84
6.2.2	Tahap Penguasaan Kemahiran Menyebut Huruf	86
6.3	Implikasi Kajian	88
6.4	Cadangan Kajian Akan Datang	89


6.6 Rumusan

89

RUJUKAN
LAMPIRAN

90

96



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 Kemahiran Mengingat Kelas Pra Mawar	50
Jadual 3.2 Kemahiran Mengingat Kelas Pra Anggerik	54
Jadual 3.3 Kemahiran Menyebut Kelas Pra Mawar	55
Jadual 3.4 Kemahiran Menyebut Kelas Pra Anggerik	56
Jadual 3.5 Kemahiran menyebut kelas Pra Anggerik	57
Jadual 4.1 Senarai Semak Penilaian Modul Piramid Jawi	67
Jadual 5.1 Kemahiran Menyebut Huruf Mengikut Peringkat Menggunakan Modul Peramid Jawi	70
Jadual 5.2 Kemahiran Menyebut Huruf Mengikut Peringkat Menggunakan Modul Peramid Jawi	72
Jadual 5.3 Kemahiran Mengingat Huruf Mengikut Peringkat Menggunakan Modul Peramid Jawi	73
Jadual 5.4 Kemahiran Mengingat Huruf Mengikut Peringkat Menggunakan Modul Peramid Jawi	75
Jadual 5.5 Ciri-ciri Tingkahlaku Murid Semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Modul Piramid Jawi	76
Jadual 5.6 Ciri-ciri Tingkahlaku Murid Semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Modul Piramid Jawi	76
Jadual 5.7 Ciri-ciri Tingkahlaku Murid Semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Modul Piramid Jawi	77

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 Kad Huruf Jawi	25
Rajah 1.2 Modul Piramid Jawi	26
Rajah 2.1 Kerangka Teori Kajian	35
Rajah 2.2 Kerangka Konsep Kajian	37
Rajah 4.1 Model Pembinaan Modul Sidek	49
Rajah 4.2 Carta Alir Proses Penilaian Modul	65



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

BBM	-	Bahan Bantu Mengajar
DSKP	-	Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah
GPI	-	Guru Pendidikan Islam
GTP	-	Program Transformasi Kerajaan
HSP	-	Huraian Sukatan Pelajaran
j-QAF	-	Jawi Al-Quran dan Fardu Ain
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KP	-	Kecerdasan Pelbagai
KPLI	-	Kursus Perguruan Lulusan Ijazah
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	-	Kurikulum Standard Prasekolah kebangsaan
Lpbs	-	Program Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah
MPIB	-	Modul Intensif dan Berterusan
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	-	Pengajaran dan Pemudahcaraan
MPJ	-	Modul Piramid Jawi
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
SBT	-	Sekolah Berprestasi Tinggi
SK	-	Sekolah Rendah
SP	-	Sukatan Pelajaran
t.th.	-	Tanpa Tarikh

SENARAI FOTO

Senarai Foto: Aktiviti PdP

Halaman
106



SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Temu Bual bersama guru Pendidikan Islam Prasekolah	96
Lampiran B: Modul Piramid Jawi	99
Lampiran C: Borang Pemerhatian	100
Lampiran D: Penilaian Modul Piramid Jawi	102
Lampiran E: Borang Senarai Semak Modul	103
Lampiran F: Soalan Temu Bual	105



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Dalam sistem pendidikan dunia pada masa kini terdapat banyak cabaran dan halangan yang perlu dihadapi oleh para guru untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dalam apa jua mata pelajaran Hj Nor *et al.* (2015), Tamuri, Ab. Halim dan Jasmi, Kamarul Azmi (2007). Dalam konteks pembelajaran Jawi ia merupakan suatu cabaran yang masih dihadapi oleh para guru di Malaysia Ahmad Mohd. Salleh (2004). Hal ini sudah tentunya akan memberikan kesan dan permasalahan jangka panjang, bukan sahaja dihadapi oleh murid malah ia memberikan kesukaran para guru untuk mengajar Jawi kepada pelajar.

Terdapat pelbagai isu dan cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Jawi antaranya adalah tulisan Jawi tidak lagi diminati oleh generasi muda terutama murid malah tidak mampu dikuasai dengan baik Tengku Kasim, Abdurajak, Md Yusoff & Baharuddin (2017). Sebagaimana yang terdapat dalam kajian Mohd Yusuf *et al.* (2012) yang mendapati anak-anak muda dalam kalangan bangsa Melayu sendiri sudah tidak berminat membaca dan menulis Jawi. malah dalam konteks senario masyarakat Melayu pada masa ini kurang meminati tulisan Jawi dapat dibuktikan dengan terhentinya pengeluaran akhbar Jawi dalam Utusan Melayu Mingguan. Beberapa kajian sebelum ini juga mendapati tahap penguasaan ejaan Jawi bakal guru adalah sederhana (Sabariah, 2011; Asyraf Ridwan, 2011 dan 2012; Niswa, 2014). isu-isu ini bukan hanya memberikan kesan jangka pendek malah ia memberikan impak yang besar terhadap perkembangan masa depan pembelajaran Jawi di Malaysia.

Sungguhpun terdapat usaha-usaha yang dilakukan oleh guru dan beberapa pengkaji namun ia masih lagi belum mampu menyelesaikan masalah berkenaan dengan pembelajaran Jawi. Ini sudah tentunya akan memberikan kerisauan terhadap masa depan pembelajaran Jawi di Malaysia.

Jika diimbaz dalam konteks Perkembangan Islam di Malaysia seiring dengan Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran. Dalam sejarah tanah Melayu, Islam telah bertapak di tanah Melayu pada tahun 903 Masehi di Kedah, 1181 Masihi di Kelantan, 1302 Masihi di Terengganu dan 1414 Masihi di Melaka. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran secara Talqqi dan Musyafahah adalah kaedah yang digunapakai oleh Rasulullah S.A.W semasa menerima wahyu yang pertama daripada Malaikat Jibrial a.s. Dalam Pendidikan di Malaysia, pembelajaran Al-Quran merupakan salah satu komponen dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Mata Pelajaran Pendidikan Islam ini wajib diadakan mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia. Oleh yang demikian, guru haruslah memastikan proses pengajaran dan pembelajaran ini berjalan dengan baik. Kaedah pengajaran dan pembelajaran Al-Quran bermula dengan asas pengenalan huruf-huruf hijaiyah. Mengenali huruf hijaiyah adalah proses satu proses pengajaran dan pembelajaran membaca Al-Quran.

Namun, tahap penguasaan Al-Quran dalam kalangan murid di sekolah adalah sederhana. Menurut Ali Hassan (2010) tahap bacaan al-Quran dalam kalangan responden adalah pada tahap sederhana dan menghadapi kesukaran menyebut dengan sebut yang betul dan tepat. Sehubungan dengan itu, tahap penguasaan Jawi juga menghadapi masalah yang di sekolah. Hal ini sudah tentunya amat membimbangkan tentang masa depan negara kelak jika masa masalah ini terus berlaku. Kerana generasi murid pada hari ini merupakan golongan pelapis pada masa akan datang. Merekalah yang akan menentukan akan nasib dan masa depan negara kelak.

Oleh yang demikian, masalah ini perlu ditangani dengan melaksanakan tindakan yang sewajarnya iaitu menerusi kajian-kajian yang dilakukan untuk menyelesaikan isu yang berlaku dalam pendidikan pada masa kini. Antara isunya

ialah tulisan Jawi tidak lagi diminati oleh generasi muda terutama murid malah tidak mampu dikuasai dengan baik. Hal ini disokong oleh kajian Mohd Yusuf *et al.* (2012) yang menyatakan anak-anak muda dalam kalangan bangsa Melayu sendiri sudah tidak berminat membaca dan menulis Jawi. Malah pandangan masyarakat Melayu sekarang kurang meminati tulisan Jawi dapat dibuktikan dengan terhentinya pengeluaran akhbar Jawi dalam Utusan Melayu Mingguan. Beberapa kajian sebelum ini juga mendapati tahap penguasaan ejaan Jawi bakal guru adalah sederhana (Sabariah, 2011; Asyraf Ridwan, 2011 dan 2012; Niswa, 2014).

Menurut perbincangan Akmariah & Sopiah (2010) tentang masalah tahap penguasaan Jawi tahap satu di kebanyakan sekolah kebangsaan perlu ditangani segera. Ini adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada kegagalan murid membaca Al-Quran. Malah, berdasarkan kajian dan laporan yang dijalankan oleh Nik Rosila Nik Yaacob (2007) penguasaan murid dalam kemahiran menulis dan membaca Jawi adalah lemah.

Dalam konteks kajian ini, penyelidik menjalankan kajian berkenaan dengan pemupukan kemahiran menyebut dan mengingat huruf melalui modul Jawi yang dibangunkan sebagai satu cara pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid prasekolah. Secara asasnya, Jawi merupakan satu bidang ilmu asas yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Malaysia hari ini bermula daripada prasekolah. Murid perlu menguasai kemahiran mengenal huruf, menyebut, menulis dan membaca sebagai matlamat Mata Pelajaran Jawi bagi membolehkan murid memahami pelbagai bidang ilmu dalam Pendidikan Islam.

Pendidikan prasekolah merupakan satu pengalaman awal yang penting dalam dunia persekolahan kepada seseorang kanak-kanak. Semua kanak-kanak diberi peluang pendidikan tanpa mengira latar belakang sosial, agama, lokasi tempat tinggal, keadaan kesihatan mental dan fizikal serta perkembangan intelek. Mereka didedahkan kepada pengalaman persekolahan dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan menggembirakan. Hal ini dapat memperkembangkan potensi serta kemahiran, keyakinan diri dan sikap positif sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan formal dan pendidikan sepanjang hayat.

Berdasarkan kepada isu dan permasalahan penguasaan Jawi seperti yang telah dikemukakan di atas membuktikan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran Jawi dalam kalangan murid prasekolah perlu berkesan dan perlu diwujudkan agar murid boleh menguasai kemahiran mengenal huruf, menyebut, menulis dan membaca. Di samping itu, menerusi penggunaan modul Piramid Jawi yang diguna pakai sebagai salah satu alternatif bagi memudahkan murid menguasai kemahiran mengingat huruf. Hal ini dilakukan bagi menyahut cabaran dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (2003) menyatakan Pengajaran dan Pembelajaran berasaskan modul perlu dilaksanakan untuk meningkatkan tahap pencapaian dan pemahaman para murid.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada dasarnya, mata pelajaran Jawi merupakan mata pelajaran yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid yang beragama Islam di Malaysia. Menurut Berhanuddin Abdullah (2012), dari segi makna konseptual dan makna literal Jawi dapat dianggap sebagai satu bentuk penulisan huruf bagi ejaan perkataan dalam bahasa Melayu daripada huruf Kawi dan Nagari yang berbentuk seakan-akan perlambangan seperti tulisan Tamil dan Cina telah digantikan dengan huruf Arab. Huruf ini dikenali sebagai huruf Jawi. Kata Jawi berkait rapat dengan panggilan Jawi yang digunakan oleh orang-orang Arab terutamanya di Mekah terhadap bangsa Melayu dari Malaysia, Indonesia dan Thailand. Perkataan ini adalah kata sifat yang disandarkan kepada orang-orang Melayu yang berasal dari Tanah Jawa. Pendapat ini disokong oleh Marsden (1812 xv) bahawa tulisan Jawi boleh dikaitkan dengan perkataan Jawa, yang merupakan hasil penamaan orang Arab kerana masyarakat di Pulau Sumatera ini terdiri daripada masyarakat Melayu yang menggunakan tulisan Jawi pada artifak dan penulisan sastera. Fakta ini menunjukkan bahawa huruf Jawi itu dinamakan oleh orang Arab untuk merujuk kepada huruf ejaan yang digunakan oleh orang Kepulauan Melayu yang beragama Islam dan menggunakan bahasa Melayu. Huruf Jawi pada mulanya telah diperkenalkan oleh pendakwah Islam untuk membolehkan mereka membaca al-Quran dengan tepat, menyebut laras bahasa Melayu yang betul, menggunakan istilah Arab pada perkataan tertentu dan menelaah berbagai-bagai kitab dalam

pelbagai bidang ilmu. Shellabear (1901, 77) menyatakan bahawa orang Melayu menerima tulisan Jawi ini secara langsung daripada orang Arab, dan orang Arab merupakan orang pertama yang mula-mula menggunakan tulisan ini untuk menulis bahasa Melayu yang seterusnya dikenali dengan nama tulisan Jawi.

Dalam konteks pembelajaran Jawi di Malaysia ia terkandung dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang dipelajari oleh murid yang beragama Islam selama dua jam dalam seminggu. Pada dasarnya, mata pelajaran Pendidikan Islam memberi pengetahuan dan kemahiran asas tentang Rukun Iman, Rukun Islam, Sirah Rasulullah dan kalimah Syahadah. Kanak-kanak prasekolah belajar bersuci, berwuduk, melakukan pergerakan solat, mencontohi beberapa akhlak Rasulullah dan melakukan amalan seharian mengikut adab. Pada masa yang sama kanak-kanak ini juga mengenal asas bahasa Al-Quran, huruf hijaiyyah dan Jawi serta menghafaz beberapa surah pendek dan doa pilihan. Pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dijalankan melalui aktiviti seperti bercerita, simulasi, menyanyi, bernasyid, aktiviti hands-on, meneroka dan bermain.

Pada tahun 1992 Kementerian Pendidikan telah memasukkan komponen Jawi di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Komponen tersebut melalui satu sukatan pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) bagi murid tahun satu hingga enam telah dilaksanakan pada tahun 2003, seiring dengan kemasukan program Jawi Al- Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain (j-QAF) (Nik Rosila, 2007). Merujuk kepada pernyataan ini, komponen Jawi di Prasekolah belum lagi diperkenalkan dan hanya mulai diperkenalkan pada tahun 2010 (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan)

Proses dalam pembelajaran Jawi adalah tidak mudah untuk dilakukan sama ada daripada tenaga pengajar itu sendiri dan juga kepada murid yang Jawi itu sendiri. Ia amat memerlukan fokus dan pemahaman yang tinggi untuk membolehkan para murid memahami dan mengaplikasikan dalam proses pembelajaran seharian Adanan bin Haji Besar (2011). Hal ini dapat dibuktikan apabila keupayaan penguasaan tulisan Jawi rendah ia secara langsung dan tidak langsung akan memberikan impak negatif dan menjadi salah satu punca kemerosotan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah agama. Hal ini ditegaskan

dalam kajian yang dibuat oleh Suhana, Ahmad Marzuki, Azman (2016) faktor penguasaan tulisan Jawi melalui pembacaan dan penulisan di tahap sederhana akan mempengaruhi secara langsung dan tidak langsung minat, motivasi murid untuk terus memmuridi mata pelajaran Jawi dengan serius dan bersungguh-sungguh.

Perkara ini juga bertepatan dengan kajian yang dibuat oleh Siti Fadzilah (2016), dalam kajiannya mendapati bahawa murid biasanya akan mengalami kesukaran untuk menguasai kemahiran membaca, menulis (merumikan) gabungan suku kata terbuka - terbuka dan terbuka-tertutup serta menarik minat murid terhadap mata pelajaran Jawi. Manakala, Azlan Shah (2009) murid lemah dalam mengenal dan menyebut huruf Jawi yang hampir sama bentuk. Dalam kenyataan ini dapatlah disimpulkan perlu adanya kajian yang dibangunkan untuk menyelesaikan masalah ini. Jika ia terus berlaku ia akan menyekat peluang murid untuk mengetahui dan memahami serta mengaplikasikan tulisan Jawi dalam kehidupan seharian mereka.

Sehubungan dengan itu, kajian ini secara umumnya, menggunakan data analisis sekolah rendah pemulihan Jawi tahun satu di negeri Sabah pada tahun 2016. Seramai 28,443 murid tahun satu, daripada jumlah keseluruhan pelajar itu hanya 24,156 yang dapat menguasai menunjukkan terdapat beberapa sekolah rendah kurang menguasai Jawi terutama dalam kalangan murid tahun 1 (Data Pemulihan j-QAF PPD Kota Kinabalu Sabah). Pengkaji memilih Daerah Kota Kinabalu dengan mengambil kira data pencapaian sebuah sekolah berprestasi tinggi (SBT). Berdasarkan data pencapaian Kem Cemerlang Jawi pada Oktober 2017 bagi murid tahun 2 hingga tahun 6. Daripada 233 orang murid, 171 murid belum menguasai Jawi. Berdasarkan data tersebut, pengkaji mendapati terdapat keperluan kemahiran menguasai Jawi dalam kalangan murid prasekolah. Ini adalah kerana, Pendidikan Islam yang diperkenalkan dalam kurikulum standard prasekolah kebangsaan 2017 memberi penekanan kepada penguasaan asas Al-Quran dan Jawi, pembentukan akidah, pemupukan asas ibadah, penyuburan adab dan akhlak dan pengenalan sirah. Kurikulum ini mengharapkan selepas aktiviti pembelajaran yang berteraskan pendidikan Islam, murid boleh: -